

Strategi Kepimpinan Rasulullah

Manfaatkan segala kepakaran untuk kejayaan

Apabila diamati dan dianalisis sirah Rasulullah s.a.w., kita mendapati Baginda s.a.w. merupakan seorang pemimpin yang menyusun strategi dengan kemas dan mantap bagi memastikan Islam menjadi satu agama yang unggul dan agung.

Strategi 1: Melakukan dakwah secara rahsia

Pada peringkat awal penyebaran agama Islam, dakwah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. secara *sirr* (rahsia). Strategi menyebarkan agama yang suci ini adalah dengan menyampaikannya terlebih dahulu kepada orang paling rapat dengan Baginda, kaum keluarga serta teman-teman Baginda. Mereka menganut agama Islam secara rahsia. Kaedah yang dilaksanakan oleh Baginda s.a.w. adalah dengan mengumpulkan mereka serta membimbing ke arah mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

Antara orang terawal memeluk Islam ialah Abu Bakar al-Siddiq yang merupakan seorang lelaki yang mesra, disenangi, mudah diajak berbicara dan berakhlak mulia.

Strategi 2: Sistem dakwah dan pendidikan berpusat

Proses dakwah Rasulullah juga dilaksanakan secara berpusat. Perkara ini jelas apabila Nabi Muhammad s.a.w. menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam al-Makhzumi sebagai pusat dakwahnya yang pertama di samping tempat orang Islam berkumpul.

TAHUKAH ANDA?

Rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam al-Makhzumi

terletak di atas Bukit Safa dan kedudukannya agak terpecil daripada pandangan para penjahat Quraisy. Kedudukannya yang strategik ini membolehkan Rasulullah s.a.w. menjadikan pusat kegiatan dalam menyebarkan agama Islam secara berkesan.

Pusat ini bukan sahaja sebagai pusat dakwah, bahkan juga dijadikan sebagai pusat untuk mendidik, memberi kefahaman, memantapkan iman dan membawa manusia keluar daripada kegelapan kepada cahaya.

Strategi 3: Menyemai benih ihsan dalam hati para sahabat

Selain itu, antara strategi yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. adalah dengan menyemai benih ihsan dalam hati para sahabat. Konsep ihsan yang ditekankan ialah melakukan sesuatu hanya kerana Allah s.w.t. dan yakin bahawa Allah sentiasa melihat amalan yang dilakukan oleh hamba-hamba-Nya.

Penerapan konsep ihsan ke dalam jiwa para sahabat ini melahirkan insan yang:

- Ikhlas dalam setiap amalan dan tindakan.
- Bersikap amanah terhadap tugas yang diberikan.
- Meyakini bahawa Allah sentiasa mengawasinya.
- Sentiasa bersungguh-sungguh dan jujur dalam setiap keadaan.

Strategi 4: Membentuk golongan pelapis yang berjiwa kental

Strategi Rasulullah s.a.w. seterusnya ialah membentuk golongan pelapis berjiwa kental dan berwibawa bagi menjamin kesinambungan perjuangan Islam.

Antara anak muda yang terlibat dengan proses penyebaran agama Islam ialah Sayidina Ali r.a. Kekentalan jiwa anak muda ini dapat kita lihat apabila

beliau sanggup tidur di tempat tidur Rasulullah s.a.w. ketika pembesar Quraisy telah melakukan persiapan dalam rancangan mereka untuk membunuh Baginda s.a.w.

Pada saat-saat genting tersebut, Baginda s.a.w. berkata kepada Sayidina Ali: "Tidurlah di atas tempat tidurku, berselimutlah dengan selimut al-Hadrami yang berwarna hijau ini. Mereka tidak akan dapat melakukan apa-apa yang buruk terhadapmu."

Tanpa membantah, Sayidina Ali melaksanakan misi tersebut dengan jayanya. Di sini kita dapat melihat bahawa penglibatan golongan muda dalam aktiviti dakwah adalah penting bagi memastikan kegemilangan dan kecemerlangan dakwah.

Strategi 5: Membentuk satu jemaah yang berstruktur dan berpasukan

Kekuatan Islam terletak pada jemaah atau pasukan. Oleh yang demikian, Nabi Muhammad s.a.w. membina satu pasukan kuat yang terdiri daripada kalangan para sahabat. Antara ciri-ciri pasukan yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. ialah:

- Menumpukan kepada matlamat jemaah atau pasukan iaitu untuk mengubah dunia dengan menegakkan Islam pada diri sendiri dan menyebarkannya seantero dunia.
- Menerima ahli daripada pelbagai kemahiran dan latar belakang.
- Fokus pada menjayakan tugas bersama, mengkoordinasi kerja dan

5. Kenapa masalah tersebut timbul?

Jika banjir kilat disebabkan longkang yang tersumbat, maka bersihkanlah longkang tersebut. Dengan mengenal pasti punca, kadangkala anda boleh mendapatkan penyelesaiannya. Tetapi dalam kebanyakan hal, belum tentu punca boleh menyelesaikan masalah. Tetapi ia penting untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang kembali.

6. Apa yang boleh memburukkan lagi keadaan?

Bunyiya macam untuk merosakkan keadaan, tetapi tidak. Dengan mengenal pasti perkara yang boleh memburukkan keadaan, anda boleh mengelak daripada memburukkan keadaan. Jika penghidap asma akan menjadi semakin teruk jika membela kucing, maka hantarkan sahaja kucing itu ke rumah kawan anda.

7. Fikirkan tiga cara untuk memperbaiki keadaan.

Yang pertama, tindakan kecemasan untuk dilakukan sekarang, kedua adalah tindakan pemulihan sebentar lagi, dan ketiga; tindakan untuk jangka masa panjang. Setiap satu mungkin mempunyai beberapa subtindakan yang tersendiri.

8. Jika perlu, minta bantuan orang lain

Belajarlah bagaimana untuk berinteraksi secara persuasif. Anda juga perlu tahu bagaimana untuk mempengaruhi orang lain agar bersama dengan anda.

9. Rekodkan usaha-usaha anda

Setiap kali anda bekerja untuk menyelesaikan masalah anda, anda sebenarnya sedang mempertingkatkan diri anda. Rekodkan kerja-kerja anda itu walaupun perlahan. Sekurang-kurangnya anda tahu bahawa anda sedang bekerja untuk menyelesaikan masalah anda.

10. Masalah adalah CABARAN dan PELUANG.

Ia adalah cabaran dan peluang untuk anda mempertingkatkan diri anda. Tanpa masalah, hidup anda akan mendatar dan tidak berkembang. Setiap kali anda berjaya menyelesaikan masalah, potensi diri anda akan meningkat. Dalam masa yang sama, pengalaman akan bertambah dan keyakinan pada diri sendiri juga akan meningkat.

Tiada silapnya untuk mempunyai masalah. Masalah ialah perkara normal dalam kehidupan manusia.

Malah, orang yang tidak bermasalah sebenarnya mempunyai masalah. Masalahnya, dia tidak mempunyai masalah.

Oleh itu, setiap kali anda ditimpa masalah, ingatlah; pada hari ini, berjuta orang ditimpa masalah, dan anda ialah salah seorang daripadanya. Oleh itu, apa masalahnya? ■

>> dari hlm. 81

menyumbangkan kemahiran tersendiri.

- Merancang dan merangka misi dakwah secara bersama.

Selain itu, setelah baiah dilaksanakan, Rasulullah s.a.w. menyusun dan memperkuatkan lagi jemaah atau pasukan dengan memilih 12 orang ketua yang menjadi *naqib* kepada kaumnya. *Naqib* atau istilah lainnya fasilitator (pemudah cara) bertanggungjawab sebagai seorang mualim, murabbi, dan mursyid kepada kaumnya.

Strategi 6: Membina perpaduan dan menyatukan umat

Sebaik sahaja tiba di Yathrib (Madinah) semasa peristiwa hijrah, Rasulullah s.a.w. menyusun strategi untuk membina perpaduan di kalangan umat Islam. Baginda melancarkan satu kaedah yang dikenali sebagai sistem persaudaraan dengan mempersaudarakan orang Muhajirin dan Ansar.

Antaranya, Rasulullah s.a.w. mempersaudarakan Umar al-Khattab dengan Zaid bin Harithah dan Abu Ubaidah bin al-Jarrah dengan Saad bin Muaz.


Strategi Baginda ini memberikan momentum yang kuat kepada sebuah negara baru pada masa tersebut. Hasilnya, Madinah menjadi sebuah negara yang kuat walaupun umat Islam terus-menerus menghadapi ancaman dan sekatan daripada musuh di setiap penjuru.

Strategi 7: Memanfaatkan segala bentuk kepakaran

Setiap para sahabat mempunyai kepakaran mereka tersendiri. Oleh itu Rasulullah s.a.w. memanfaatkan sebaik mungkin kepakaran mereka bagi menjayakan misi dakwah. Ketika menghadapi Perang Khandaq misalnya, setelah mengadakan mesyuarat, Rasulullah s.a.w. bersama para sahabat bersepakat menerima idea Salman al-Farisi r.a. Daripada pengalaman dan kepakarannya, Salman mencadangkan agar mempertahankan Kota Madinah dengan menggali parit di sekelilingnya.

Lalu Baginda s.a.w. mengarahkan kepada setiap sepuluh orang lelaki supaya menggali parit seluas 40 hasta. Ketika itu juga, semua orang Islam dengan pantas menggali parit. Rasulullah s.a.w. mendorong semangat mereka dan turut serta menggali. Di sini kita dapat melihat bahawa Rasulullah s.a.w. memanfaatkan segala bentuk kepakaran yang ada bagi mencapai kejayaan.

Berdasarkan pelaksanaan dan pimpinan Rasulullah s.a.w., dapat diringkaskan seperti berikut:



Kesimpulannya, strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. ini memberikan kejayaan yang gemilang terhadap agama Islam dan akhirnya ia tersebar ke seluruh dunia dengan izin Allah. ■